

“TALKING POINT”
YBHG DATUK IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH
KETUA PENGARAH
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA
SEMPENA
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN LEMBAGA LEBUHRAYA
MALAYSIA
PADA
27 FEBRUARI 2017
(ISNIN)

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS

**YBHRS TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)**

**YBHG DATO' SR. AZIZ BIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)**

**YBHRS PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN**

**PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN
PEGAWAI DAN KAKITANGAN**

**TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN
ASSALAMUALAIKUM WBT.**

PENDAHULUAN

ALHAMDULILLAH, SAYA MEMANJATKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KEPADA ALLAH S.W.T KERANA DENGAN RAHMAT DAN INAYAHCNYA, KITA DAPAT BERSAMA-SAMA HADIR DALAM MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN, LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA BAGI BULAN FEBRUARI 2017 INI.

TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)

- INISIATIF PEMBANGUNAN NEGARA YANG MERANGKUMI TAHUN 2020 HINGGA 2050.
- INISIATIF INI AKAN DIPACU OLEH MATLAMAT DAN SASARAN YANG JELAS SELAMA 30 TAHUN.
- DIBANGUNKAN MELALUI PROSES PERUNDINGAN DALAM FASA PERSEDIAAN DARI TAHUN 2017 HINGGA 2019.
- MATLAMAT DAN SASARAN YANG DIGARISKAN DALAM DOKUMEN DASAR TN50 BAKAL DITERBITKAN PADA AWAL TAHUN 2020.
- KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN DIBERI MANDAT OLEH PERDANA MENTERI MALAYSIA UNTUK MEMULAKAN PROSES DENGAN MENERAJUI 'PERBICANGAN TN50', SIRI PENGLIBATAN DAN AKTIVITI-AKTIVITI

WACANA YANG BERTUJUAN UNTUK MENCETUSKAN ASPIRASI RAKYAT SERTA MENENTUKAN BIDANG UNTUK TRANSFORMASI TERMASUK:

- A. EKONOMI
 - B. KEMASYARAKATAN
 - C. KEBUDAYAAN
 - D. ALAM SEKITAR.
-
- PERDANA MENTERI TELAH MELANCARKAN PROGRAM TRANSFORMASI NASIONAL 2050 DENGAN SEBUAH DIALOG PERDANA TN50 YANG DIADAKAN DI DEWAN TUNKU CANSELOR, UNIVERSITI MALAYA PADA 19 JANUARI 2017. MAJLIS TERSEBUT DIHADIRI OLEH 500 BELIA YANG MENYUARAKAN ASPIRASI ME

 - PERINGKAT PERSEDIAAN 2017-2019 AKAN MENYAKSIKAN AKTIVITI- AKTIVITI LAIN YANG BERKAITAN DENGAN PEMBANGUNAN DOKUMEN DASAR TN50 SEPERTI PENGLIBATAN DENGAN PIHAK YANG BERKEPENTINGAN DASAR, PAKAR-PAKAR DOMAIN DAN PEMIMPIN DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU.

SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

**TRANSAKSI TOL DI SEMUA PLAZA TOL LEBUHRAYA UTARA-SELATAN
DIKENDALI SECARA 100% ELEKTRONIK MULAI 26 APRIL 2017**

- PELAKSANAAN KUTIPAN TOL SECARA ELEKTRONIK SEPENUHNYA DARI PLAZA TOL JURU HINGGA PLAZA TOL SKUDAI BAGI LEBUHRAYA PLUS DAN ELITE AKAN MELIBATKAN 71 BUAH PLAZA TOL.
- SATU MAJLIS PELANCARAN DAN SIDANG MEDIA TELAH DIADAKAN PADA 17 FEBRUARI 2017 DI KAWASAN REHAT GUNUNG SEMANGGOL (ARAH SELATAN) BAGI PELAKSANAAN KEMPEN SISTEM KUTIPAN TOL SECARA ELEKTRONIK SEPENUHNYA DARI JURU KE SKUDAI, LEBUHRAYA UTARA SELATAN (PLUS).
- KESEMUA 71 PLAZA TOL YANG TERLIBAT BEROPERASI SECARA SISTEM KUTIPAN TOL TERTUTUP. PENGGUNA PERLU MENYENTUH KAD TOUCH N GO ATAU MELALUI LORONG SMART TAG DI PLAZA TOL MASUK DAN BAYARAN TOL HANYA AKAN DITOLAK DARIPADA KAD TOUCH N GO DI PLAZA TOL KELUAR.
- PELAKSANAAN INI AKAN DILAKSANAKAN MULAI 26 APRIL 2017 (RABU), PADA JAM 12.00 TENGAHARI.
- PADA MASA INI PERATUS PENGGUNAAN ETC SEHINGGA JANUARI 2017, BAGI LEBUHRAYA PLUS ADALAH SEBANYAK 91.2%.

UNTUK MAKLUMAN HADIRIN SEKALIAN,

- KUTIPAN TOL DI 21 LEBUH RAYA BERTOL DI LEMBAH KLANG JUGA TELAH DILAKSANAKAN SECARA ELEKTRONIK SEPENUHNYA.
- MENJELANG AKHIR TAHUN INI, LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA MENGHARAPKAN KESEMUA 31 LEBUH RAYA BERTOL (DENGAN 177 PLAZA TOL) DI SELURUH NEGARA AKAN MELAKSANAKAN KUTIPAN TOL SECARA ELEKTRONIK (ETC) INI.
- APABILA INI DICAPAI, LLM AKAN MENGORAK LANGKAH KE PERINGKAT SETERUSNYA IAITU UNTUK MENETAPKAN PERMULAAN SISTEM MULTI-LANE FREE FLOW (MLFF) PADA MASA AKAN DATANG.
- LLM PERLU BERSIAP SEDIA DARI MASA SEKARANG UNTUK PELAKSANAAN SISTEM BARU YANG AKAN DILAKSANAKAN KELAK.

“ROAD SHOW” PELAKSANAAN SISTEM KUTIPAN TOL SECARA ELETRONIK (ETC) SEPENUHNYA

- LLM TELAH MENGATUR BEBERAPA “ROAD SHOW” PELAKSANAAN SISTEM KUTIPAN TOL SECARA ELEKTRONIK SEPENUHNYA DI BEBERAPA R&R DI SETIAP NEGERI.
- “ROAD SHOW” INI BERTUJUAN UNTUK MEMBERI INFO, PENERANGAN DAN KESEDARAN KEPADA PENGGUNA.

- PELBAGAI KAUNTER KEMUDAHAN DISEDIAKAN SEPERI MOBILE-HUB TOUCH 'N GO UNTUK TAMBAH NILAI, PEMBELIAN KAD ATAU SMART TAG, DAN SEBAGAINYA.
- DALAM "ROAD SHOW" INI, LLM DAN PLUS JUGA BEKERJASAMA DENGAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN PUSAT DAN NEGERI DALAM MEMPROMOSI PRODUK-PRODUK INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS). INI BAGI MEMBERI PELUANG KEPADA PENIAGA-PENIAGA KECIL UNTUK MEMASARKAN PRODUK-PRODUK MEREKA DI R&R LEBUH RAYA.

SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

JAMBATAN HUBUNGAN KUCHAI DI PERSIMPANGAN BERTINGKAT TAMAN DESA, LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE)

- SATU LAGI PROJEK PEMBINAAN RAMP DI LEBUHRAYA TELAH KITA BERJAYA LAKSANAKAN DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT.
- JAMBATAN HUBUNGAN KUCHAI DI PERSIMPANGAN BERTINGKAT TAMAN DESA, LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE) BAKAL DIBUKA DAN AKAN DISEMPURNAKAN OLEH YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF, MENTERI KERJA RAYA PADA 7 MAC 2017 INI.

- DIBINA DENGAN KOS RM56 JUTA INI AKAN MENYEDIAKAN LALUAN TERUS DAN CEPAT DARI PERSIMPANGAN BERLAMPU ISYARAT DI LEBUHRAYA SUNGAI BESI (BESRAYA) KE LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE) TANPA PERLU MELALUI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT KUCHAI LAMA BERHAMPIRAN KILANG AJINAMOTO.
- PENGGUNA LEBUHRAYA TIDAK PERLU LAGI MENUNGGU DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT KUCHAI LAMA DAN MASA PERJALANAN DAPAT DIKURANGKAN KIRA-KIRA 10 MINIT PADA WAKTU PUNCAK.
- DAPAT MENGURANGKAN KAPASITI KENDERAAN DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT TERSEBUT SEKALIGUS MEMBANTU ALIRAN TRAFIK DI KAWASAN SEKITAR KERANA PENGGUNA YANG HENDAK KE LEBUHRAYA NPE DARI ARAH LEBUHRAYA BESRAYA BOLEH MENGGUNAKAN JAMBATAN HUBUNGAN KUCHAI.
- TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA PASUKAN YANG TELAH TERLIBAT DALAM MENJADIKAN PROJEK INI MENJADI KENYATAAN DAN DIHARAPKAN MAJLIS PEMBUKAAN YANG AKAN BERLANGSUNG AKAN BERJALAN LANCAR.

HADIRIN SEKALIAN,

INTELLIGENT TRANSPORT SYSTEM (ITS) SEMINAR AND EXHIBITION 2017

- TELAH BERLANGSUNG SELAMA 3 HARI INTELLIGENT TRANSPORT SYSTEM (ITS) SEMINAR AND EXHIBITION 2017 DI NEXUS BANGSAR SOUTH.
- KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) DAN AGENSI-AGENCI DIBAWAHNYA ADALAH MERUPAKAN TERAJU UTAMA BAGI PROJEK DAN DASAR PEMBANGUNAN ITS DI NEGARA INI.
- KKR DAN AGENSI TERLIBAT AKAN TERUS MEMANTAU DAN MEMASTIKAN KITA SEMUA MENDAPAT MANFAAT DARIPADA PEMBANGUNAN ITS INI YANG MANA AKAN MEMBAWA KEPADA PELBAGAI PENEMUAN BARU ANTARANYA:
 - A. BIDANG PEMBUATAN
 - B. ROBOTIK
 - C. INTERNET OF THINGS (IOT)
 - D. PERCETAKAN 3-D
 - E. SAINS BAHAN
 - F. TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI
 - G. PENYIMPANAN TENAGA
- ITS MEMBERI BANYAK FAEDAH YANG MANA AKAN MENINGKATKAN LAGI KECEKAPAN SISTEM PENGANGKUTAN,

MENYEDIAKAN LEBIH BANYAK KEMUDAHAN PENGANGKUTAN SEDIA ADA DENGAN PENEKANAN KEPADA PENYAMPAIAN DAN KUALITI PERKHIDMATAN YANG LEBIH BAIK SERTA PENINGKATAN KAPASITI.

- PENGGUNAAN MULTI LANE FREE FLOW (MLFF) DI LEBUH RAYA DI MALAYSIA YANG DIJANGKA AKAN DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2020 ADALAH MERUPAKAN LANGKAH PERTAMA DALAM MEWUJUDKAN SEBUAH BANDAR RAYA PINTAR DARI SEGI PENGURUSAN SISTEM PENGANGKUTAN DAN MOBILITY DI KAWASAN BANDAR.
- DENGAN SISTEM INI, PIHAK BERKUASA BOLEH MENGUMPUL, BERKONGSI DAN MENYEBARKAN MAKLUMAT TRAFIK YANG TEPAT DAN MAKLUMAT TRAFIK TERKINI DENGAN PENGGUNA JALAN RAYA UNTUK MEMUDAHKAN PERJALANAN MEREKA DI LEMBAH KLANG.
- MAKLUMAT TRAFIK SEMASA DAN CADANGAN LALUAN ALTERNATIF SEKIRANYA BERLAKU KESESAKAN DI LALUAN TERTENTU DIKONGSI DENGAN PENGGUNA JALAN RAYA MELALUI TANDA-UBAH MESEJ (VMS) DAN PUSAT PANGGILAN DAN MEDIA SOSIAL.
- UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA URUSETIA ITS LLM DIATAS KERJASAMA YANG TELAH DIBERIKAN DALAM MENJAYAKAN SEMINAR INI.

PENUTUP

SAYA HARAP SEMUA WARGA LLM TERUS BERSATU PADU DALAM SEMANGAT KEKITAAN DAN SEMOGA TAHUN BARU BUATKAN KITA SEMUA GEMBIRA, SELAMAT DAN SEJAHTERA.

BAGI MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA INGIN MENYERU DAN MENGINGATKAN WARGA LLM SUPAYA SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENGEKALKAN MOMENTUM KECEMERLANGAN DAN BERKUALITI DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK. SEMOGA KITA BEROLEH MANFAAT DAN PENGETAHUAN YANG BERGUNA MELALUI PERHIMPUNAN PADA PAGI INI. SEKIAN, WABILLAHIT TAUFIQ WALHIDAYAH WASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.